

**KOPERASI PEGAWAI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BERHAD**  
**ATURAN MODAL SYER**

**1. TAJUK**

- (1) Aturan ini dinamakan "Aturan Modal Syer" Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad" atau ringkasnya "Aturan Modal Syer".

**2. TAFSIRAN**

- (1) Dalam aturan-aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain :-
- "Akta" ertinya Akta Koperasi 1993
  - "Undang-undang Kecil" ertinya Undang-undang Kecil Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad.
  - "Syer" ertinya bahagian dalam modal syer Koperasi ini yang disumbangkan oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam Koperasi ini, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**3. TUJUAN**

- (1) Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 55(1) dan dikuatkuasakan selepas persetujuan Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi ini dan Ketua Pendaftar.
- (2) Tujuan aturan-aturan ini diwujudkan adalah untuk pemilikan Modal Syer mengikut perenggan 50 (b) Akta Koperasi 1993

**4. MODAL SYER DAN KELAYAKAN**

- (1) Bagi maksud perenggan 50(1) Undang-undang Kecil Koperasi, setiap anggota hendaklah melanggan satu syer bersamaan RM100.00(ringgit satu ratus) sebagai sumbangan minimum yang hendaklah dijelaskan dalam tempoh 10(sepuluh) bulan dan tidak boleh dikeluarkan kecuali selepas keanggotaan itu tamat.
- (2) Setiap tambahan syer mestilah dalam gandaan RM100.00 (ringgit satu ratus) dan jumlahnya adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga.
- (3) Anggota Koperasi sahaja yang layak untuk membeli syer daripada Koperasi.
- (4) Syer seseorang anggota yang mati akan diuruskan mengikut Undang-Undang Kecil Koperasi 58(3)(4).

**5. PINDAHAN SYER**

- (1) Seseorang anggota boleh memindahkan kepada anggota-anggota lain syer-syernya yang melebihi sumbangan minimum di bawah Undang-Undang Kecil Koperasi 58(1) dengan menandatangan borang pemindahan syer dan didaftarkan oleh Koperasi.

**6. PELABURAN**

- (1) Lembaga boleh apabila difikirkan sesuai, melaburkan semua, atau sebahagian daripada wang Kumpulan Wang ini dengan persetujuan Suruhanjaya Koperasi

Malaysia dalam saham-saham swasta atau awam, Bon-bon Kerajaan atau mana-mana bank dan institusi kewangan berlesen yang diluluskan syariah.

- (2) Apa-apa perolehan dari pelaburan ini hendaklah dimasukkan semula ke dalam Kumpulan Wang ini untuk digunakan bagi maksud dan tujuan-tujuan Kumpulan Wang ini atau dilaburkan semula bagi menambahkan kewangan Kumpulan Wang ini.

## 7. TAHUN KEWANGAN

Tahun kewangan Kumpulan Wang ini adalah sama seperti tahun kewangan Koperasi ini.

## 8. AUDIT

Akaun Kumpulan Wang ini hendaklah diaudit bersekali dengan akaun-akaun lain Koperasi ini setahun sekali.

## 9. MAKLUMAT KEPADA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN

Lembaga hendaklah membentangkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan laporan-laporan mengenai aktiviti-aktiviti Kumpulan Wang ini serta membuat cadangan-cadangan bagi memajukannya.

## 10. TAKRIF

Jika timbul sebarang perbezaan takrif mengenai Aturan ini, maka takrif Lembaga adalah muktamad.

## 11. PINDAAN KEPADA ATURAN

- (1) Aturan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Undang-undang Kecil Koperasi ini dan Akta serta Peraturan-peraturan.
- (2) Lembaga Koperasi ini, dengan persetujuan Suruhanjaya Koperasi Malaysia bolehlah meminda sebarang peruntukan dalam Aturan ini apabila difikirkan mustahak untuk memudahkan perjalanan dan pengurusan Kumpulan Wang ini.

**Diakui aturan ini telah dibentang,dibincang dan diluluskan dalam Mesyuarat  
Agung Perwakilan ke 83 pada 30 APRIL 2011**

**KOPERASI PEGAWAI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BERHAD**

.....  
**( ABDUL RAZAK BIN MANSOR ) ( ABU BAKAR BIN KASIM ) ( ISHAK BIN HUSSAIN )**  
PENGERUSI ANGGOTA LEMBAGA ANGGOTA LEMBAGA